

28 JAN 1997

Sabbaruddin-MAS

ISU MAS JEJASKAN INDUSTRI PELANCONGAN, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Isu kemorosotan kualiti perkhidmatan penerbangan Malaysia, MAS, yang heboh diperkatakan baru-baru ini sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan negara, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

"Apabila kurang tempat duduk dan kurang penerbangan, sudah pasti ia memberikan kesan kepada industri pelancongan di samping menjejaskan prestasi syarikat penerbangan kebangsaan itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyempurkan upacara memecah tanah bangunan Balai Seni Lukis Negara di Jalan Tun Razak di sini hari ini.

Sabbaruddin bagaimanapun menolak dakwaan golongan tertentu bahawa apa yang berlaku sekarang adalah berpunca daripada pengurusan yang kurang bijak.

"Saya tidak fikir ia disebabkan oleh pengurusan tidak baik. Bagaimanapun saya bukanlah layak bercakap mengenai pengurusan syarikat penerbangan," kata beliau.

Beliau bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa MAS berkembang maju dengan cepat termasuk penambahan destinasi-destinasi barunya dan ini sudah tentu memberi sedikit kesan kepada perkhidmatannya.

"Beli pesawat bukan macam beli teksi kerana ia mengambil masa sedangkan penambahan laluan terlalu cepat sehingga menyebabkan ada waktunya saya kira hingga menyebabkan kapal terbang tidak cukup, termasuk penerbangan dalam negeri," tambahnya.

Ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa kemungkinan besar ada pihak tertentu yang sengaja membangkitkan isu kelemahan pentadbiran MAS itu dengan tujuan menjatuhkan pengerusinya Tan Sri Tajuddin Ramli, Sabbaruddin berkata: "Perdana Menteri lebih mengetahui daripada menteri. Dia PM dia lebih tahu".

Beliau berkata MAS adalah sebuah syarikat swasta dan kerajaan tidak boleh mengarahnya melakukan itu dan ini dengan sewenang-wenangnya kerana ia ditadbir oleh lembaga pengarahnya sendiri meskipun dalam banyak hal wujud kerjasama antara kedua-dua pihak.

Mengenai Umno, Sabbaruddin, yang menjadi setiausaha agungnya, berkata beliau akan melaporkan kepada presiden parti berhubung cadangan menukar semula nama Umno kepada nama asalnya kerana bnerikutan Pendaftar Syarikat yang mengumumkan bahawa perkara itu boleh dilakukan melalui mesyuarat agung khas.

Mengenai permohonan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) untuk menyertai Umno, beliau sekali lagi menegaskan tidak ada permohonan yang ditolak dan sejumlah 10,603 permohonan yang diluluskan sudahpun dihantar ke cawangan-cawangan.

Katanya, ketua-ketua bahagian diberi tempoh sehingga 30 April ini bagi memastikan tidak ada cawangan baru ditubuh di kawasan yang sudah ada cawangan Umno kerana Majlis Tertinggi sudah memutuskan bahawa bekas anggota S46 hanya boleh menubuh cawangan baru di tempat yang belum ada cawangan.

Terdahulu ketika berucap, Sabbaruddin berkata pembinaan bangunan baru Balai Seni Lukis Negara itu di atas kawasan seluas 15,586 meter persegi akan dibiayai sepenuhnya oleh YTL Corporation Bhd yang berjanji akan menyiapkannya dalam masa 18 bulan.

Ia akan dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan pameran, ruang penyimpanan koleksi lukisan, makmal pemuliharaan dan ruang untuk meajuan

dan aktiviti seni.

Sabbaruddin berkata premis Balai Seni Lukis Negara sekarang (dahulunya Hotel Majestik) akan diserahkan kepada YTL sebaik sahaja bangunan baru itu selesai untuk dijadikan sebuah hotel bertaraf antarabangsa dengan pajakan selama 90 tahun.

Beliau berkata pembinaan Balai Seni Lukis Negara itu adalah bukti penghargaan kerajaan terhadap peranan seniman sebagai duta budaya negara yang telah menghasilkan peningkatan imej Malaysia di kaca mata dunia.

Rekabentuk Balai Seni Lukis Negara yang mempunyai ciri-ciri kebangsaan adalah rekaan Meor Wazir Zul'aidin daripada Syarikat Arkitek MAA.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara, Tan Sri Kamarul Ariffin dan Pengarah Eksekutif YTL, Mark Yeoh Seok Kah.

-- BERNAMA

ZAB WAT